

13 pelajar SSIL terima Anugerah Dekan

SERAMAI 13 pelajar Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) telah menerima Anugerah Dekan pada majlis Sesi Bersama Dekan Semester 1 2010/2011 di Dewan Theatrette, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), kelmarin.

Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim, menyampaikan amanat selama satu jam dan seterusnya menganugerahkan sijil kepada pelajar cemerlang berkenaan.

Pelajar berkenaan merupakan mereka yang mendapat PNGS 3.5 dan ke atas melalui pencapaian akademik semasa peperiksaan pada semester lalu.

Turut hadir dua timbalan Dekan, Suani Sura (TD Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) dan Yuzren Yushak (TD Penyelidikan dan Inovasi), pensyarah dan kira-kira 250 pelajar.

Ag Asri berharap pelajar Tahun Satu hingga Tiga di sekolah itu akan terus bekerja keras mencapai kecemerlangan kerana sijil SSIL masih laku

ketika mereka menghadiri temuduga pada masa akan datang.

Mereka yang menerima sijil Dekan itu ialah 10 pelajar jurusan Multimedia Technology (HC 12) iaitu Lau Ee Fong, Shum Kha Woo, Jong Yew Chee, Lee Fei San, Arvina Ajmin, Chua Kah Mei, Daniel Shia Kwong Horng, Edna Dora Peruh, Khoo Ka Chee dan Bong Shi Ching.

Turut menerima sijil berkenaan ialah tiga pelajar jurusan E-Commerce (HC 13) iaitu Ng Meng Leng, Mohamad Fauzeri Abdullah dan Saw Hui Sze.

UB/11/01/11/132



ANUGERAH DEKAN...Ag Asri (berdiri empat dari kiri) bersama pelajar yang menerima Anugerah Dekan SSIL Semester 1 2010/2011 di Dewan Theatrette UMS, Labuan.



BERSAMA DEKAN...Sebahagian pelajar SSIL yang menghadiri majlis Sesi Bersama Dekan di Dewan Theatrette, UMS Kampus Antarabangsa Labuan.



AMANAT...Dewan Theatrette UMS Kampus Antarabangsa Labuan dipenuhi pelajar Tahun Satu hingga Tiga untuk mendengar amanat Dekan SSIL.



TURUT HADIR...Majlis bersama Dekan turut dihadiri pensyarah sekolah itu.